


TEKANAN DALAM PEKERJAAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN
TANAP KESIHATAN PEKERJA DI SEBUAH KILANG ELEKTRONIK
DI PAHANG

ABDUL MUTI RIN AHMAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

106595



106595

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat hubungan faktor-faktor tekanan kerja dan tekanan hidup serta hubungannya dengan tahap kesihatan pekerja pengeluaran. Seramai 60 orang pekerja di sebuah kilang elektronik di Pahang Darul Makmur telah menjadi responden kajian ini. Faktor-faktor tekanan kerja telah diukur dengan instrumen 'Stressor Checklist' (SC), tekanan hidup diukur dengan 'Live Events Scale' (LES) manakala tahap kesihatan diukur menggunakan 'National Health and Morbidity Survey' (NHMS). Dapatan kajian menunjukkan dari segi tekanan kerja, tidak terdapat perbezaan di antara pekerja lelaki dan perempuan. Kajian mendapati ada hubungan yang signifikan antara pembolehubah tekanan kerja dan suasana tempat kerja/iklim tempat kerja dengan kesihatan responden. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati tiada hubungan yang signifikan di antara tekanan hidup yang tinggi dengan tahap kesihatan.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Negara Malaysia sedang menuju ke arah sebuah negara perindustrian yang maju dan sasaran matlamatnya ialah pada tahun 2020. Sehingga kini pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan untuk menggalakkan para pelabur melabur di Malaysia, demi mencapai objektif sebagai sebuah negara perindustrian yang maju. Di antara usaha yang telah dibuat oleh kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut antara lain ialah melalui Akta Perhubungan Perusahaan 1969 yang telah memberi beberapa kemudahan kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia (Ungku Aziz, 1977). Langkah ini telah berjaya menarik sejumlah besar pelabur datang melabur di Malaysia. Usaha ini juga merupakan salah satu langkah untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia (Fatimah, 1980).

Hasil usaha kerajaan tersebut telah berjaya mengekalkan kepesatan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berkembang pada kadar purata sebanyak 6.7 peratus semasa Dasar Ekonomi Baru (DEB) antara tahun 1971 - 1990 dalam tempoh lapan tahun daripada sepuluh tahun ia dilaksanakan. Sementara itu, bermula tahun 1988 prestasi ekonomi adalah sangat memberangsangkan dengan mengekalkan pertumbuhan sebanyak 8.9 peratus setahun. Perkembangan di sektor industri pembuatan juga begitu menggalakkan di mana dalam tahun 1990 hingga tahun 1995 sektor pembuatan

elektronik sahaja telah menunjukkan peningkatan nilai ditambah mengikut harga tahun 1978 dari 5,052 juta pada tahun 1990 ke 12,068 juta pada tahun 1995 (**Rancangan Malaysia ke-7, 1995**) .

Industri elektronik di Malaysia bermula apabila Syarikat Elektrik Matsushita ditubuhkan di Shah Alam, Selangor sebagai syarikat subsidiari kepada Syarikat Antarabangsa Jepun untuk pemasangan set televisyen (**F.C Onn, 1986**). Sejak itu , industri elektronik Malaysia tumbuh dengan mencatatkan nilai eksport bersih RM 1577 juta pada tahun 1978. Antara tahun 1970-1980, industri ini telah mencatatkan pencapaian yang tinggi dengan 4640 projek yang telah diluluskan oleh kerajaan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 15, 031 juta. Antara industri elektronik yang pesat berkembang ialah industri pengeluaran barangan semikonduktor. Industri ini berkembang bermula pada tahun 1970-an apabila American National Semiconductor, satu daripada syarikat perniagaan semikonduktor yang terbesar menubuhkan syarikat luar pantainya di Pulau Pinang pada tahun 1971. Sehingga tahun 1986, terdapat 23 firma dari Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah Barat dan 15 daripadanya terletak di Pulau Pinang (**Abibullah, Morshidi, Kamarulazi 1994**).

Industri elektronik telah mendapat tempat di Malaysia, disebabkan kos buruh yang murah dan dasar kerajaan terhadap pelabur yang menggalakkan, menyebabkan pertumbuhan industri tersebut. Pada peringkat awal kilang-kilang elektronik telah didirikan di bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Seremban, Hulu Kelang, Petaling Jaya dan Johor Baharu. **Jabatan Perangkaan (1993)** melaporkan dalam buku tahunannya, Malaysia pada tahun 1993 telah mempunyai 492 buah kilang elektronik yang merupakan industri pemprosesan

berasaskan buruh. Pertumbuhan industri ini telah mewujudkan permintaan terhadap pekerja pengeluaran. Sumbangan industri ini kepada sektor pekerjaan adalah penting di mana sehingga tahun 1992, ia telah menyumbangkan 26.7 peratus (158, 654 orang) dan merupakan yang tertinggi berbanding dengan sektor lain: 14.8 peratus sektor industri tekstil, 9 peratus industri berasaskan kayu dan keluaran kayu, 8.9 peratus industri membuat makanan dan 5.7 peratus industri keluaran getah (**Abibullah, Morshidi, Kamarulazizi, 1994**).

Manusia memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara terutamanya di dalam proses pengeluaran. Oleh itu sumber-sumber manusia haruslah dipergunakan secara optimum untuk memastikan pengeluaran yang tinggi. Dalam proses penggunaan sumber manusia dengan efektif, perlu disedari bahawa manusia mempunyai kemampuan yang terhad. Jika had kemampuan tersebut tidak dibatasi, tekanan kerja akan berlaku. Menurut **Zuraidah Abdul Rahman (1994)** , tekanan kerja yang berlebihan akan menimbulkan masalah kepada kesihatan diri seperti mendapat tanda-tanda penyakit jantung, ulser, angin ahmar dan lain-lain lagi. Menurut laporan kesihatan oleh **Kementerian Kesihatan (1994)** pada tahun 1993, daripada jumlah kematian seramai 24,977 orang yang dilaporkan di hospital kerajaan, 15.5 peratus adalah kematian yang disebabkan oleh serangan jantung yang kebanyakannya berpunca daripada tekanan dan amalan kehidupan seharian. Sementara itu , tekanan di dalam pekerjaan turut akan melibatkan prestasi kerja yang menurun, masalah ponteng, sabotaj, daya pengeluaran rendah dan lain-lain lagi.